



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 21 NOVEMBER 2023



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **KPDN**



Tinjauan BH mendapati bekalan minyak masak bersubsidi di beberapa kedai runcit sekitar Pasar Berek 12, Kota Bharu habis sejak lebih dua minggu lalu.
(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

Peruncit di Kelantan dakwa minyak peket sukar diperoleh

Kota Bharu: Minyak masak peket satu kilogram (kg) didakwa sukar didapati di Kelantan, menyebabkan peniaga dan pengguna terpaksa membeli bekalan dalam botol.

Tinjauan di beberapa kedai runcit di sekitar Pasar Berek 12 di sini mendapati, bekalan minyak masak bersubsidi itu kehabisan sejak lebih dua minggu lalu.

Peniaga runcit, Salmawati Mohd Norddin, 38, berkata minyak masak peket satu kilogram sukar diperoleh sejak lebih tiga bulan lalu dan beliau terpaksa menjual bekalan dalam botol.

"Saya membeli bekalan di pasar raya besar, namun tidak mencukupi untuk menampung keperluan pembeli," katanya ketika ditemui, semalam.

Pemandu bas ekspres, Azmi Dollah, 54, juga terpaksa beralih kepada minyak masak dalam botol susulan ketidaan bekalan minyak peket.

"Memang mahal, tetapi terpaksa beli kerana perlu guna ha-

ri-hari untuk memasak.

"Kita harap kerajaan ambil tinjakan menangani masalah ini kerana ramai rakyat perlu guna minyak masak peket kerana harganya lebih murah," katanya yang mempunyai enam anak.

Bekalan mencukupi di KL

Di Kuala Lumpur, bekalan minyak masak peket sekilogram mencukupi bagi kegunaan setempat berdasarkan pengeluaran stabil daripada 12 syarikat pembungkusan semula.

Seksyen Penguat Kuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Kuala Lumpur dalam kenyataan memaklumkan, sebanyak 3,107 tan dikeluarkan secara bulanan dengan anggaran 353 tan seminggu.

"Pembelian borong yang meningkat dalam kalangan peniaga antara punca utama kekurangan bekalan di kedai runcit kerana tiada kawalan pembelian oleh pedai berbanding di pasar raya," katanya.

Kenyataan itu menyebut, permeriksaan dan pemantauan oleh Pegawai Pemantau Harga dan Pegawai Penguat Kuasa KPDN Kuala Lumpur dibuat di sekitar Seputeh meliputi beberapa kedai runcit dan pasar raya.

"Pemantauan secara preman dan penyamaran sebagai pembeli oleh pegawai penguat kuasa mendapat pasar raya serta peruncit mengehadkan penjualan antara dua hingga tiga peket untuk seorang pelanggan bagi mengelak pembelian berlebihan.

"Pasar raya dan kedai runcit mengambil langkah proaktif dengan mengisi semula bekalan pada rak jualan dua kali sehari, iaitu pada jam 9 hingga 10 pagi dan 6 petang," katanya.

Katanya, ia bagi mengelak pembelian borong oleh pihak peniaga.

Menurut kenyataan itu, pegawai penguat kuasa turut memeriksa stor bekalan minyak masak pasar raya atau kedai runcit dan mendapati bekalan mencukupi untuk jualan bulan terbabit.

Syarikat didakwa jual diesel secara haram

IPOH: Sebuah syarikat pemberong bahan bakar didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan menjual 10,920 liter minyak diesel kepada sebuah syarikat yang tidak memiliki kelulusan daripada Pengawal Bekalan, tahun lalu.

Fullyee Petroleum PLT yang diwakili rakan kongsinya, Yip Kian Yew, 54, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Azizah Ahmad.

Mengikut pertuduhan, Fullyee yang juga pemegang lesen borong (No.Lesen PB08000084) didapati melanggar Peraturan 9(2) Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974 iaitu menjual barang kawalan berjadual iaitu 10,920 liter minyak diesel kepada Syarikat K2 Bitumen Sdn. Bhd. yang tidak mempunyai lesen atau kelulusan bertulis daripada Pengawal Bekalan.

Kesalahan itu dilakukan di K2 Bitumen Sdn. Bhd. di Lot 332577 (Plot 3), PT 9749 Taman Perindustrian Tungzen, Kampung Kepayang di dalam daerah Batu Gajah antara pukul 8 pagi hingga 5 petang, 8 November 2022.

Sehubungan itu, syarikat tersebut melakukan kesalahan di bawah Peraturan 21 (1) peraturan yang sama dan boleh dihukum mengikut Seksyen 22 (2) Akta Kawalan Bekalan 1961.

Sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM2 juta dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenida tidak melebihi RM5 juta.

Pendakwaan dikenyalikan Pegawai Pendakwa, Suhana Mohd. dan Hasyutantee Khalil manakala syarikat berkenaan diwakili peguam, Datuk Mior Faridalath-rash Wahid.

Pemborong diesel hadapi denda RM2j

Ipoh: Sebuah syarikat pemborong diesel didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan menjual barang kawalan berjadual kepada syarikat tidak berlesen pada tahun lalu.

Bagaimanapun, Yip Kian Yew, 54, yang merupakan rakan kongsi perniagaan mewakili perniagaan Fullyee Petroleum PLT mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Azizah Ahmad.

Syarikat itu didakwa sebagai pemegang lesen borong didapati menjual barang kawalan berjadual iaitu 10,920 liter diesel kepada Syarikat K2 Bitumen Sdn Bhd yang tidak mempunyai lesen atau kelulusan bertulis yang sah daripada Pengawal Bekalan.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di K2 Bitumen, Taman Perindustrian Tungzen, Kampung Keayang, Batu Gajah antara jam 8 pagi hingga 5 petang, 8 November 2022.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Peraturan 9(2) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 yang merupakan kesalahan mengikut Peraturan 21(1) Peraturan-Peraturan yang sama yang boleh dihukum mengikut Seksyen 22(1) Akta Kawalan

Bekalan 1961.

Ia memperuntukkan hukuman denda maksimum RM2 juta dan kesalahan kali kedua atau kesalahan berulang tidak melebihi RM5 juta mengikut Seksyen 22(2) Akta Kawalan Bekalan 1961 (Pindaan 2006) jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Suhana Mohd dan Hasyuntatee Khalil, manakala syarikat itu diwakili Datuk Mior Faridalathrash Wahid.

Mahkamah menetapkan 10 Januari depan sebagai tarikh sebutan semula kes bagi serahan dokumen.

Bernama



KIAN Yew mengaku tidak bersalah atas pertuduhan menjual barang kawalan berjadual kepada syarikat tidak berlesen tahun lalu.



ILLEGAL OPERATION BUSTED ... Domestic Trade and Cost of Living Ministry enforcement officers checking a tank containing some of the 28,000 litres of diesel seized from a store near Permatang Pauh in Penang yesterday. – **BERNAMAPIC**

Stop the hoard:

Domestic Trade and Cost of Living Ministry officers conducting checks on an oil tank used to store subsidised diesel without a permit in Permatang Pauh, Penang. A total of 28,000 litres of diesel were seized in the ministry's Ops Tiris operation. — Bernama





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 21 NOVEMBER 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
21-Nov	Pengguna kata tak ada, KPDN kata ada	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/11/1032081/pengguna-kata-tak-ada-kpdn-kata-ada	HM
21-Nov	Syarikat didakwa jual diesel kepada syarikat tidak berlesen	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/11/1032063/syarikat-didakwa-jual-diesel-kepada-syarikat-tidak-berlesen	HM
21-Nov	Syarikat didakwa jual diesel kepada syarikat tidak berlesen	https://www.kosmo.com.my/2023/11/20/syarikat-didakwa-jual-diesel-kepada-syarikat-tidak-berlesen/	KOSMO
21-Nov	Wholesaler charged with selling subsidised diesel to unlicensed company	https://selangorjournal.my/2023/11/wholesaler-charged-with-selling-subsidised-diesel-to-unlicensed-company/	SELANGORJOURNAL
21-Nov	Didakwa jual diesel kepada syarikat tidak berlesen	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/didakwa-jual-diesel-kepada-syarikat-tidak-berlesen/	UM
21-Nov	20 NOV 2023-BTH-JUAL DIESEL KEPADA SYARIKAT TIDAK PUNYA LESEN: PEMEGANG LESEN BORONG DIESEL DIDAKWA	https://youtu.be/RHNjFWWFt2M?si=v3B8UxSjsjhnlxMY	BERITARTM

21-Nov	Syarikat didakwa jual diesel kepada syarikat tidak ber lesen	https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2246058	BERNAMA
21-Nov	Company charged with selling subsidised diesel to unlicensed company	https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2246187	BERNAMA
21-Nov	Stor simpan diesel bersubsidi diserbu kali kedua	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/stor-simpan-diesel-bersubsidi-diserbu-kali-kedua-446752%3famp=1	ASTROAWANI
21-Nov	Stor simpan diesel bersubsidi diserbu kali kedua	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2246142	BERNAMA
21-Nov	Stor simpan diesel bersubsidi diserbu kali kedua	https://www.sinarharian.com.my/article/635532/edisi/utara/stor-simpan-diesel-bersubsidi-diserbu-kali-kedua	SH
21-Nov	Stor simpan diesel bersubsidi diserbu kali kedua	https://thesun.my/cerita/stor-simpan-diesel-bersubsidi-diserbu-kali-kedua-FB11768904	THESUN
21-Nov	Guna bengkel kimpalan sebagai stor simpan diesel seleweng	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/guna-bengkel-kimpalan-sebagai-stor-simpan-diesel-seleweng/	UM

21-Nov	KPDN Rampas 28,000 Liter Diesel Bersubsidi	https://youtu.be/r7913ULQVuws?si=as9sLIsCDeTlgbMH	BULETINTV3
21-Nov	N, Sembilan Rahmah Sales hit RM7.3m	https://thesun.my/local/n-sembilan-rahmah-sales-hit-rm73m-FA11770432	THESUN
21-Nov	Program Jualan Rahmah N. Sembilan rekod nilai Jualan RM7.3 juta	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2246169	BERNAMA